

# PM seru rakyat bersungguh-jayakan sesuatu usaha

KUALA LUMPUR 9 Sept. — Rakyat diseru bersungguh-sungguh dalam menjayakan sesuatu usaha kerana komitmen terhadap usaha itu lebih penting daripada wang, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, oleh itu, rakyat perlu cekap memaksimumkan peruntukan yang diperolehi kerana sebanyak manapun peruntukan yang diberi, ia tidak pernah mencukupi.

Menurut Perdana Menteri, kerjasama dan kesungguhan inilah yang diperlukan dalam industri pelancongan bagi memastikan negara ini akan sentiasa dikenali sebagai destinasi pelancongan yang baik dan murah.

"Industri pelancongan menguntungkan semua pihak, sama ada industri khusus berkaitan dengan pelancongan ataupun industri lain," katanya ketika berucap melancarkan Malam Industri Pelancongan Malaysia di sini, malam ini.

Kata Dato' Sri Dr. Mahathir, industri pelancongan juga merupakan sam-satunya industri yang menyumbangkan secara langsung dan sepenuhnya kepada pendapatan pertukaran wang

asing negara.

Selain itu, katanya, hasil cukai yang diperolehi daripada industri ini boleh digunakan untuk menyediakan kemudahan infrastruktur dan bantuan kepada rakyat.

"Industri pelancongan boleh membantu pembangunan negara, oleh itu rakyat perlu memberikan layanan yang sebaik mungkin kepada para pelancong supaya mereka akan terus mengunjungi negara ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia mampu menjadi salah satu pusat pelancongan yang utama memandangkan bilangan pelancong yang telah meningkat sebanyak 60 peratus dalam tahun lalu menjadikan jumlahnya lebih daripada 7 juta.

Katanya, jumlah pelancong boleh ditingkatkan menyamai bilangan penduduk negara iaitu 20 juta, menjelang tahun 2000 kelak.

"Matlamat seorang pelancong untuk seorang rakyat pada satu tahun boleh dicapai sekiranya perancangan dan penyusunan langkah-langkah yang betul serta budaya layanan yang baik dapat dipupuk," tambahnya.